JURNAL YADIM
ياياسن دعوه اسلامية مليسيا
"International Journal Of
Islam And Contemporary Affairs"

VOL. 5 (1) | JUN 2025:89-109
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Diserahkan: 28 April 2025 Diterima : 28 Mei 2025 Atas Talian: 30 Jun 2025

PENDEKATAN PENGAJIAN AL-QURĀN: ANALISIS DI PUSAT DAKWAH JEPUN

THE APPROACHES TO QURANIC EDUCATION:
AN ANALYSIS OF JAPAN DA'WAH CENTRE

*[i]Ammar Mohd Akib & [ii] Muhamad Alihanafiah Norasid

[i-ii]Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur

Corresponding Author; e-mail: *akibammar@gmail.com

DOI: https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v5.254

ABSTRAK

Perkembangan Islam di Jepun banyak dimainkan oleh organisasi dakwah, masjid, musolla dan sekolah Islam di Jepun. Dalam konteks ini, Pusat Dakwah Jepun di Osaka memainkan peranan penting yang menfokuskan pendedahan pendidikan Islam dan bimbingan mualaf (*reverts)* Muslim. Artikel ini bertujuan menganalisis pendekatan pengajian al-Qur'ān di Pusat Dakwah ini serta menilai cabaran dan prospek institusi pengajian al-Qur'ān di Jepun. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengguna pakai kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual secara terbuka. Seterusnya, data ini dianalisis menggunakan perisian NVivo 14. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajian al-Qur'ān berdasarkan bacaan huruf *al-Hijā'iyyah* yang berpandukan modul IQRA' dan dilaksanakan melalui kaedah hafalan dan ikutan secara sistematik dan efektif. Dari aspek pemahaman, tafsir & *tadabbur* dilihat memperkukuh kefahaman peserta menerusi Celik Tafsir. Sehubungan itu, kerjasama antara organisasi Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam memperkaya sumber literasi Islam ke arah perkembangan Islam secara progresif di negara matahari terbit.

Kata Kunci: Al-Qur'ān, Mualaf, Jepun, Komuniti, Pusat Dakwah Islam

ABSTRACT

The development of Islam in Japan has been significantly played by da'wah organizations, mosques, musallas, and Islamic school. Within this contexts, the Japan Da'wah Centre in Osaka has a central role in providing Muslim reverts (mualaf) and to keep embracing Islamic education. This study analyzes the Quranic education approaches at the da'wah centre and assesses the challenges and prospects of Quranic education in Japan. Using a qualitative methodology which includes document analysis, observation and open interviews. The collected data were examined with Nvivo 14 software. The findings indicate that Quranic education emphasizes the recognition of al-Ḥijā'iyyah letters through the IQRA' module and implemented structured memorization and guided recitation for effective and systematic learning. Furthermore, integrating tafsir & tadabbur enhances participants' comprehension through Celik Tafsir. Collaboration with Islamic institutions such as the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) is essential in enhancing Islamic literacy towards the progressive development of Islam in Japan.

Keywords: Al-Qur'ān, Reverts, Japan, Community, Japan Da'wah Centre

PENDAHULUAN

Islam agama berkembang pesat di Jepun (Tanada, 2017). Muslim Jepun mencapai angka dua puluh ribu (20,000) hingga lima puluh ribu (50,000) orang. al-Samarāʾī & al-Nadwī (2008) berkata berkemungkinan angka sebenar tidak dapat dipastikan berpunca daripada berlakunya perkahwinan campur antara Jepun dan etnik yang lain (al-Samarāʾī & al-Nadwī, 2008). Populasi muslim di Jepun menunjukkan angka peningkatan menerusi 0.07 % atau 0.08 % (Haroon Qureshi, temu bual bersama penyelidik, 28 Disember 2023). Oleh itu, realiti kehidupan komuniti muslim amat membimbangkan oleh kerana arus pemodenan materialistik meresapi denyut nadi umat Islam dalam konteks negara minoriti Islam. Situasi ini menunjukkan 85% generasi kedua Muslim di Jepun telah kehilangan identiti keislamannya, lantas memberi kesan dalam melaksanakan kehidupan yang berlandaskan syariat Islam (Abdel Rashed Shehata, temu bual bersama penyelidik, 16 Jun 2025).

Pengajian al-Qur'ān merupakan induk penyebaran ilmu Islam serta menjadi wahana dakwah terhadap komuniti Muslim di Jepun. Pendekatan institusi Islam berpaksikan orientasi dakwah seperti *Islamic Centre of Japan* membuktikan bahawa mesej al-Qur'ān yang bersifat sejagat '*universal'* diterjemahkan dalam aspek dakwah intelektual. Dengan berteraskan nilai

Islam dan al-Qur'ān, kebudayaan Islam, dan dialog antara agama dalam konteks budaya Jepun dilihat memberi ke arah penerimaan Islam. Dakwah berteraskan al-Qur'ān di negara majoriti minoriti Islam terbukti di mana masih ramai rakyat Jepun tiada informasi sahih berkaitan Islam (Okai & Takahashi, 2023).

Menelusuri kebudayaan Islam di Jepun dilihat kepada pendekatan yang progresif seperti penganjuran persidangan Islam dan Kebudayaan Islam di Tokyo dan Kyoto pada tahun 1977 dengan kerjasama *Rabīṭah al-'Ālam al-Islāmī*, *Universiti Chuo, Tokyo* dan *Islamic Centre of Japan* (Siddiqi, 1977). Simposium yang dianjurkan melalui kerjasama dua syarikat akhbar *Asahi* dan *Mainichi* yang menzahirkan prinsip dan konsep undang-undang Islam kepada masyarakat Jepun (M. Samarrai & Hj. Ali @ Mat Zin, 2000). Dialog antara budaya dan agama difokuskan bagi memperkukuh pemahaman masyarakat Jepun dan dunia Islam (Siddiqi, 1977). Ini kerana usaha memperkenalkan Islam dan kebudayaan Islam merupakan langkah awal membuka jalan kerjasama antara Jepun dan negara-negara Islam (Siddiqi, 1977).

Umumnya, kajian mengenai pengajian al-Qur'ān di Jepun adalah bersifat baharu dan tiada kajian menunjukkan perkembangan pengajian al-Qur'ān secara menyeluruh (Kyoichiro Sugimoto, temu bual bersama penyelidik, 20 September 2024). Justeru itu organisasi dakwah seperti *Japan Muslim Association (JMA)* memainkan peranan penting dalam memartabatkan al-Qur'ān merupakan wahana dakwah melalui pendidikan, penerbitan risalah, dan terjemahan karya agama ke dalam bahasa Jepun. Usaha ini memacu perkembangan Islam serta memperkukuh kefahaman dan budaya Islam dalam kalangan masyarakat Jepun.

LATAR BELAKANG PUSAT DAKWAH JEPUN

Pusat Dakwah Jepun merupakan sebuah badan NGO ditubuhkan pada tahun 2019 oleh Haji Zulkarnain Haji Basri dan Persatuan Fajar Iman Matahari Terbit, dinaungi oleh Ustaz Abdullah Bukhari al-Hafiẓ. Pertubuhan Pusat Dakwah Jepun beroperasi sepenuhnya melalui pendanaan daripada rakyat Malaysia (Abdul Rahim, 2021). Pusat Dakwah Jepun mengetengahkan konsep tradisi Jepun atau lebih dikenali sebagai '*Kindai Wafu'* (*Japanese Traditional Concept)* pada aspek pembangunan dan perancangan program serta aktiviti. Konsep ini secara tidak langsung mempamerkan nilai keterbukaan Islam terhadap budaya dan tradisi masyarakat Jepun. Bangunan Pusat Dakwah Jepun bertempat di Yamanouchi, Sumiyoshiku, Osaka, Jepun.

'Unity in Diversity' merupakan cogan kata berkonsepkan kepelbagaian budaya yang diaplikasikan di Pusat Dakwah Jepun. Usaha murni penyebaran Islam di bumi Matahari Terbit berdasarkan Visi dan Misi yang telah dirangka oleh pihak Pusat Dakwah Jepun termasuklah memberi informasi Islam kepada warga Jepun, di samping membuka peluang kerjasama dalam bidang perniagaan antara masyarakat Jepun dan komuniti Muslim (*Japan Da'wah Centre*, 2023). Bagi mempertingkatkan usaha dakwah, misi Pusat Dakwah Jepun merangkumi pengembangan dan penyebaran Islam kepada seluruh warga Jepun, sama ada yang belum atau telah memeluk Islam, serta memberi penekanan kepada pendidikan komuniti, generasi kedua, dan bakal pendakwah dalam kalangan warga Jepun (Mohammad Jodi, 2023). Misi ini turut menfokuskan pemerkasaan belia Jepun melalui penerapan nilai-nilai Islam, serta aplikasi Islam secara harmoni dalam budaya Jepun.

Pusat Dakwah Jepun menyantuni masyarakat Jepun melalui pendekatan pengajaran Islam yang berteraskan al-Qur'ān dan Hadis, di samping menyesuaikannya dengan budaya Jepun. Antara bentuk pendekatan pengajian yang dilaksanakan termasuklah kelas pengajian al-Qur'ān menggunakan kaedah IQRA', sesi Tafsir dan Tadabbur al-Qur'ān yang bertujuan memperkukuh kefahaman dan penghayatan isi kandungan al-Qur'ān dalam kalangan warga Jepun (*Japan Da'wah Centre*, 2023).

AKTIVITI DAKWAH DI PUSAT DAKWAH JEPUN

Pusat Dakwah Jepun merupakan sebuah organisasi dakwah yang aktif menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat Jepun. Pusat Dakwah Jepun memberi penekanan terhadap aktiviti dakwah seperti program pertukaran budaya, acara makanan halal, serta pendidikan Islam secara terbuka kepada masyarakat bukan Islam. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bertujuan membantu para mualaf dalam mengekalkan keislaman mereka (*Japan Da'wah Centre*, 2023).

Program yang ditawarkan merangkumi kelas secara fizikal dan kelas secara dalam talian. Di samping itu, Pusat Dakwah Jepun turut aktif menganjurkan Dialog Antara Agama serta Kelas Bahasa Arab. Objektif utama Pusat Dakwah Jepun iaitu memberi informasi Islam kepada warga Jepun bagi menjalani kehidupan Muslim secara sempurna. Antara program di Pusat Dakwah Jepun iaitu kuliah bimbingan agama untuk warga Jepun yang bertujuan

memberikan pendedahan Islam secara menyeluruh, terutamanya dalam konteks kehidupan Muslim di negara Matahari Terbit:

1. *Basic Knowledge of Islam* – disampaikan oleh Haji Zulkarnain Hasan Basri melalui tadabbur ayat-ayat terpilih al-Qur'ān.
2. *Beautiful Life: The Islamic Way of Living* – oleh En. Abdul Halim Nawi, berasaskan buku *Indahnya Hidup Bersyariat* (Kamus et al., 2021).
3. *The Du'a Taught by the Holy Qur'ān* – koleksi doa-doa al-*Qur'ān* yang dikendalikan oleh Ustazah Ridanah.
4. *Easy Qur'ān Interpretation* – siri Tafsir al-*Qur'ān* yang diajar oleh Ustaz Osama Matsunaga.
5. *Islamic Lesson for New Members* – disampaikan oleh Ustaz Kareem Matsunaga berdasarkan buku *The New Muslim Guide* (Bahammam et al., 2016).

OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini bertujuan untuk:

1. Menganalisis pendekatan pengajian al-Qur'ān di Pusat Dakwah Jepun.
2. Menilai cabaran dan prospek Masjid al-Da'wah merupakan institusi pengajian al-Qur'ān di Jepun.

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini bertajuk: Pendekatan Pengajian al-Qur'ān: Analisis di Pusat Dakwah Jepun. Terdapat beberapa kajian terdahulu seperti oleh Hamdani et al. (2019), Mohammad Jodi (2023) dan Hishamuddin et al. (2024) yang meneliti aspek dakwah dan cabaran mualaf, namun belum memberikan tumpuan khusus terhadap pendekatan pengajian al-Qur'ān secara menyeluruh di Pusat Dakwah Jepun.

Oleh itu, kajian ini menyumbang secara signifikan dengan mengetengahkan analisis pendekatan pengajian al-Qur'ān lebih umum Pengajian IQRA', Pengajian Tafsir dan Tadabbur secara sistematik dan efektif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian lapangan dengan mengguna pakai kaedah kualitatif melalui kaedah analisis dokumen, temu bual, dan pemerhatian. Pendekatan kualitatif merupakan kajian menggalakkan pentafsiran terhadap sesuatu gejala atau fenomena sosial; dengan kata lain kualitatif membina realiti sosial atau memberi makna kepada sesuatu fenomena sosial yang dikaji. Ianya berhubung kait kepada proses yang bersifat interaktif antara subjek kajian dan penyelidik (Abdul Wahab & Abu Bakar, 2016).

Kaedah analisis dokumen bermula mendalami terhadap pengkajian dan penelitian secara analisis kritis serta memperluaskan pengalaman ilmiah (Ahmad Sunawari Long, 1965). Manakala kaedah temu bual dilaksanakan secara langsung bagi mendapatkan maklumat perjalanan organisasi menerusi pihak pengurusan, tenaga pengajar dan peserta di Pusat Dakwah Jepun. Dalam kaedah pemerhatian, penyelidik turut melibatkan diri dengan subjek yang dikaji untuk memahami dengan jelas penglibatan peserta melalui kelas-kelas yang telah disusun atur oleh Pusat Dakwah Jepun secara dalam talian.

Pemprosesan dan analisis data melalui temu bual dan pemerhatian diproses dan dianalisis menerusi perisian NVivo 14. Abdul Wahab & Abu Bakar (2016) menyatakan bahawa data tersebut dikutip dan dimuat turun ke dalam perisian, ditranskripsikan secara verbatim dan seterusnya dianalisis dan dikenal pasti tema-tema dan sub tema yang telah ditentukan oleh penyelidik (Abdul Wahab & Abu Bakar, 2016). Dalam pengukuhan konseptual, kajian ini berasaskan kepada "*grounded theory"* seperti mana yang dijelaskan oleh Abdul Wahab & Abu Bakar (2016) untuk melahirkan hasil daripada penjanaan dan analisis data-data terkumpul.

PENGAJIAN AL-QUR'ĀN DI PUSAT DAKWAH JEPUN

Pengajian al-Qur'ān merupakan aspek penting dalam program pendidikan Islam di Pusat Dakwah Jepun. Pelaksanaan pengajian ini menggunakan pendekatan yang disesuaikan dengan konteks masyarakat Jepun, terutamanya untuk golongan mualaf yang masih baharu mempelajari Islam. Beberapa pendekatan utama yang dilaksanakan oleh Pusat Dakwah Jepun dalam pengajian al-Qur'ān termasuk pendekatan IQRA' dan konsep Tafsir & Tadabbur.

Pendekatan Pengajian IQRA'

Pendekatan pengajian IQRA' diajarkan dengan menggunakan kaedah ikutan dan hafalan. Dalam pada itu kesempurnaan matlamat pengajian ini mengenal pasti kelemahan penyebutan huruf-huruf *al-Hijā'iyyah* dalam kalangan masyarakat Jepun. Huruf-huruf *al-Hijā'iyyah* tertentu dikenal pasti sukar pada aspek sebutan huruf oleh kerana pengaruh dialek bahasa mereka. Antara huruf yang kerap menimbulkan kesukaran iaitu: *Ḍād* (ض), *Ṣād* (ص), *Sīn* (س), *Khāʾ* (خ), *Ṭāʾ* (ط), dan *Ghayn* (غ) (Kyoichiro Sugimoto, temu bual bersama penyelidik, 20 September 2024). Permasalahan yang dikenal pasti berpunca kesukaran dalam sebutan huruf dan halangan bahasa (Mano Sato, temu bual bersama penyelidik, 24 November 2023).

Pendekatan pengajian IQRA' dilaksanakan di Pusat Dakwah Jepun mengutamakan pengajaran bacaan asas al-Qur'ān secara berperingkat, bermula dengan pengenalan huruf *al-Hijā'iyyah* melalui kaedah ikutan dan hafalan (Nur Haziqah Hishamuddin, temu bual bersama penyelidik, 10 Julai 2023). Kaedah ini menekankan latihan bacaan langsung tanpa mengeja, serta penggunaan transliterasi huruf Arab ke huruf Latin bagi memudahkan peserta mengenal bentuk dan bunyi huruf (A.K et al., 1987). Pendekatan ini sejajar dengan pelaksanaan pengajian al-Qur'ān secara sistematik dan efektif di Pusat Dakwah Jepun.

Pengaplikasian modul IQRA' terbukti memberi kesan yang baik terhadap kefahaman dan motivasi peserta (Aranne, temu bual persama penyelidik, 10 Julai 2023). Hasil temu bual bersama peserta, pengajian IQRA' dapat meningkatkan keyakinan diri dalam mengenali huruf-huruf *al-Hijā'iyyah* (Mano Sato, temu bual bersama penyelidik, 10 Julai 2023). Di samping itu, terdapat usaha yang dilakukan oleh para peserta dalam mempraktik bacaan mereka. Antara inisiatif tersebut termasuk latihan penulisan huruf *al-Hijā'iyyah*, menggunakan aplikasi mudah alih dan medium digital seperti YouTube untuk memperbaiki sebutan, serta menghadiri kelas Islam secara konsisten setiap minggu (Hishamuddin et al., 2024).

Dalam konteks ini, penggunaan alat bantu mengajar seperti transliterasi huruf-huruf *al-Hijā'iyyah* kepada tulisan rumi merupakan suatu pendekatan komprehensif selaras teori yang diketengahkan oleh Zulkifli Haji Mohd Yusof, Mazlan bin Ibrahim (2005). Oleh itu, usaha penterjemahan buku topik berkaitan pengajian al-Qur'ān termasuklah IQRA', Tilawah

atau Tajwid dalam bahasa Jepun hendaklah dipergiatkan bagi melancarkan proses pengajaran & pembelajaran IQRA' bersama mualaf di Jepun (Hishamuddin et al., 2024).

Konsep Tafsir & Tadabbur Menerusi Celik Tafsir Pusat Dakwah Jepun

Pengajian al-Qur'ān di Pusat Dakwah Jepun, bukan sekadar menfokuskan bacaan sahaja, bahkan menekankan kepentingan memahami ayat menerusi Tadabbur al-Qur'ān (Zulkarnain Hasan Basri, temu bual bersama penyelidik, 18 Ogos 2023). Konsep tadabbur merupakan kunci pemahaman ayat-ayat suci al-Qur'ān, memelihara adab berinteraksi bersama al-Qur'ān. Ṣalāḥ Al-Khālidī (w. 2022) menyatakan kefahaman yang lahir dari Tadabbur al-Qur'ān merupakan kerangka asas kefahaman salafussaleh (al-Khālidī, 2003).

Tadabbur didefinisikan suatu usaha tafakkur untuk memahami dan meneliti pembacaan secara mendalam bagi mencapai kesempurnaan dalam pelbagai aspek termasuk akidah, ibadah, dan akhirat (Nor & Norasid, 2023). Manakala, Tafsir merupakan alat atau medium berfungsi untuk menerangkan dan menghuraikan makna bagi ayat-ayat al-Qur'ān (Sin, 2014). Pendekatan ini memberikan penekanan kepada kefahaman yang mendalam terhadap ayat-ayat al-Qur'ān, bukan sekadar pembacaan tanpa memahami maksudnya. Ini kerana konsep Tafsir & Tadabbur merupakan kaedah utama untuk memahami isi kandungan al-Qur'ān.

Pengasas Pusat Dakwah Jepun menjelaskan bahawa pelbagai pendekatan telah diusahakan dalam menyempaikan mesej Islam, namun pendekatan yang paling berkesan melalui Tadabbur al-Qur'ān (Zulkarnain Hasan Basri, temu bual bersama penyelidik, 18 Ogos 2023). Dengan mentadabbur ayat-ayat Allah s.w.t., beliau telah menyampaikan kefahaman Islam secara mendalam dan menyentuh hati masyarakat Jepun Qur'ān (Zulkarnain Hasan Basri, temu bual bersama penyelidik, 18 Ogos 2023). Oleh itu, tadabbur dijadikan kaedah utama dalam memahami isi kandungan al-Qur'ān serta medium dakwah yang berkesan dalam kalangan bukan Islam di Jepun. Hal ini dinyatakan tema ayat al-Qur'ān menerusi Jadual 2.1: Tema-tema ayat al-Qur'ān melihat kerangka asas celik tafsir.

Jadual 2.1: Tema-tema ayat Al-Qur'ān

CELIK TAFSIR	AYAT AL-QUR'ĀN	TEMA AYAT
Pendedahan Asas Islam (1)	Al-Fatihah 1-7	Al-Fatihah (pembukaan) dikenali sebagai Umm Al-Kitab.
Pendedahan Asas Islam (2)	Al-Baqarah 1-7	Al-Qur'ān, induk perbahasan iman.
Pendedahan Asas Islam (3)	Ali-Imran 18-19	Pokok syariat dan agama Islam berpaksikan perkara tauhid kepada Allah yang maha Esa
Utusan Allah	Al-Anbiya' 107-112	Rasulullah diutuskan untuk rahmat sekalian alam
Hidayah al-Qur'ān(1)	Al-A'raf 52	Isi kandungan al-Qur'ān sebagai penjelasan kepada manusia
Perkara Syirik (1)	Al-A'raf 191-198	Kekuasaan Allah mengatasi segalanya, pendustaan golongan kafir sembahan selain Allah.
Perkara Syirik (2)	Al-Hajj-73	Perumpamaan lalat; ibarat lemahnya sembahan selain Allah
Penciptaan Manusia (1)	At-Tur-35-37	Adakah kamu tercipta sendiri?
Hidayah al-Qur'ān (2)	Al-An'am 125	Keimanan limpahan kasih sayang dan rahmat Allah
Hidayah al-Qur'ān (3)	Az-Zumar 16 -22	Memilih ungkapan baik, tanda terima hidayah

Penciptaan Manusia (3)	Al-Baqarah 30-39	Kisah Nabi Adam a.s. Kemuliaan manusia diangkat khalifah (penguasa) di muka bumi
Penciptaan Manusia (1)	At-Tur-35-37	Adakah kamu tercipta sendiri?
Penciptaan Manusia (2)	Ad-Dhariyat 56-58	Tujuan manusia diciptakan
Kewujudan Pencipta (1)	Al-Anbiya' 21-23	Jika ada tuhan selain Allah pasti binasa
Kewujudan Pencipta (2)	Al-Mukminun 21-23, An-Najm 23	Sembahan selain Allah berasal dari agama nenek moyang
Manusia	Al-Mukminun 115, Al-Qiyamah 36	Tiada ciptaan yang sia-sia
Kejadian Alam	Ali-Imran 190-191, Luqman 20, Rum 8, Ṣad	Hikmah kejadian alam ada tujuannya
Halal Dan Haram	Al-Baqarah 168, 172-173	Memahami hikmah dalam pemakanan halal dan haram
Islam Agama Fitrah	Rum 29-30	Ikutlah fitrah manusia
Islam Agama Fitrah	Az-Zukhruf 1-12	Konklusinya adalah Islam

Menurut Zulkarnain Hasan Basri (2023), penekanan terhadap aspek keimanan dan keyakinan kepada Allah s.w.t. merupakan asas penting dalam memahami isi kandungan al-Qur'ān (Zulkarnain Hasan Basri, temu bual bersama penyelidik, 18 Ogos 2023). Pemilihan tema Tadabbur dan Tafsir berdasarkan pengalaman Zulkarnain Hasan Basri (2023), dalam melaksanakan kegiatan dakwah yang berfokus pengajaran Tadabbur al-Qur'ān.

Keunikan Pusat Dakwah Jepun dalam memperkenalkan susunan tema ayat berteraskan celik tafsir merupakan suatu penyampaian mesej Islam melalui aspek pemahaman al-Qur'ān. Pengajian al-Qur'ān di Pusat Dakwah Jepun tidak hanya menekankan aspek bacaan, tetapi turut dipelajari kefahaman makna ayat serta penghayatan mesej Allah s.w.t. (Aranne, temu bual persama penyelidik, 10 Julai 2023). Motivasi peserta mendalami rahsia al-Qur'ān melalui proses tafsir dan tadabbur, sekali gus meningkatkan tahap pembelajaran dari peringkat asasi hingga ke peringkat pertengahan (Ryota Yamamoto, temu bual bersama penyelidik, 15 May 2024). Hal ini menggambarkan pendekatan celik tafsir merupakan suatu keunikan yang menyalurkan mesej Islam secara lebih berkesan dan mendalam kepada masyarakat Jepun.

Silibus tafsīr dan tadabbur al-Qur'ān di Pusat Dakwah Jepun berasaskan rujukan seperti Tafsir Ibn Kathīr, Tafsir al-Qurṭubī, Fi Ẓilāl al-Qur'ān, dan Tafsir al-Azhar (Nur Haziqah Hishamuddin, temu bual bersama penyelidik, 10 Julai 2023). Menelusuri pendekatan pada aspek pemahaman al-Qur'ān kepada masyarakat Jepun, ianya menggunakan terjemahan versi bahasa Jepun seperti *At-Tarjamah al-Mukhtaṣar fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm ilā Lughat al-Yābān* dan *Qur'an: An Easy Japanese Translation* (Osama Matsunaga, temu bual bersama penyelidik, 2 Ogos 2024). Selain itu, kuliah Ustaz Dr. Musthafa Omar dan Nouman Ali Khan melalui platform YouTube merupakan bahan-bahan rujukan yang diakes dalam talian (Nur Haziqah Hishamuddin, temu bual bersama penyelidik, 10 Julai 2023).

Kefahaman yang lahir kerangka salafussaleh merupakan disiplin *Ulūm al-Qur'ān* menatijahkan kefahaman sahih (Muda & Ali @ Mat Zin, 2014). al-Shāṭibī (w. 790 h) turut menjelaskan merupakan ketulusan hati *'al-Baṣīrah'* oleh kerana kefahaman ayat al-Qur'ān berpaksikan kepada kesempurnaan *al-Hidāyah* (al-Shāṭibī, 1991). Silibus Celik Tafsir berteraskan pada aspek ketuhanan, Akidah dan Tauhid hendaklah dikembangkan sehingga terbentuk suatu modul panduan pengajaran Tafsir dan Tadabbur di Pusat Dakwah Jepun.

Cabaran Pelaksanaan Pengajian al-Qur'ān

Cabaran pelaksanaan pengajian al-Qur'ān di Jepun, khususnya di Pusat Dakwah Jepun, dapat dilihat melalui beberapa aspek. Menurut Zulkarnain Hasan Basri, perkembangan Islam di Jepun masih berada pada tahap yang sukar. Sehubungan itu, pihak Pusat Dakwah Jepun masih dalam proses mencari cara terbaik untuk memposisikan dan mengembangkan Islam kepada masyarakat Jepun, serta mengajak mereka ke arah Islam. Sebagaimana petikan temu bual bersama Zulkarnaian Hasan Basri (2023):

> "*Usaha di sini masih lagi proses perkembangan Islam paling sukar. Tak nampak cara yang terbaik, masih mencari usaha yang terbaik, belum lagi ada cara yang khusus untuk mengembangkan (Islam), belum lagi dapat untuk mengembangkan (memahamkan) Islam, mengajak mereka ke arah Islam, menggalakkan mereka ke arah Islam masih lagi susah, satu cabaran yang besar sebenarnya*." (Zulkarnain Hasan Basri, temu bual bersama penyelidik, 18 Ogos 2023)

Hasil temu bual bersama Zulkarnain Hasan Basri (2023) diperlihatkan bahawa perkembangan Islam di Jepun masih berada pada tahap yang mencabar kerana belum ditemukan pendekatan khusus yang dapat memperkukuhkan pemahaman warga Jepun terhadap Islam. Pelaksanaan pengajian al-Qur'ān di Pusat Da'wah Jepun berdepan pelbagai cabaran yang dapat dicerakinkan kepada bahasa, budaya, silibus al-Qur'ān, tenaga pengajar dan konsistensi peserta.

Bahasa merupakan interaksi dua hala antara tenaga pengajar dan peserta serta memastikan keberkesanan pengajaran dapat dicapai tanpa ada memungkinkan kegagalan dalam pengajaran tersebut. Jurang komunikasi antara tenaga pengajar dan masyarakat Jepun menyukarkan penyampaian mesej Islam. Data temu bual menunjukkan bahawa hampir semua program di Pusat Dakwah Jepun dilaksanakan dalam bahasa Jepun untuk menyesuaikan dengan keperluan masyarakat setempat (Karim Matsunaga, temu bual bersama penyelidik, 26 Disember 2024). Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Jepun merupakan medium dakwah merupakan aspek yang penting, namun pelaksanaannya dalam bentuk pengajian al-Qur'ān masih belum dijalankan secara menyeluruh.

Budaya masyarakat Jepun yang dikenali sebagai individualistik dan mementingkan privasi beragama (Yusuf Morishita, temu bual bersama penyelidik, 22 Jun 2024). Tenaga pengajar di Pusat Dakwah Jepun turut menegaskan bahawa tanpa bimbingan berterusan, berkemungkinan mualaf mula menjauhi diri daripada ajaran Islam (Karim Matsunaga, temu bual bersama penyelidik, 26 Disember 2024). Oleh itu, cabaran budaya bukan sahaja menyentuh soal penerimaan Islam, tetapi cabaran selepas memeluk agama Islam serta berkait rapat bimbingan mualaf dan informasi pendidikan Islam.

Selanjutnya, usaha memperkenalkan bacaan al-Qur'ān secara formal masih terbatas disebabkan kekangan tiada pelaksanaan berkaitan pengajian tajwid (Karim Matsunaga, temu bual bersama penyelidik, 26 Disember 2024). Oleh kerana penstrukturan silibus al-Qur'ān namun sebahagian daripadanya belum dapat dilaksanakan secara menyeluruh termasuk pengajian Tilawah, Tajwid, Tahfiz dan Tafsir (Karim Matsunaga, temu bual bersama penyelidik, 26 Disember 2024).

Keterbatasan tenaga pengajar yang kompeten mempengaruhi pengajian al-Qur'ān di Pusat Dakwah Jepun. Variasi ini menunjukkan bahawa Pusat Dakwah Jepun perlu merangka pendekatan pengajian yang lebih fleksibel dan berfasa, sesuai dengan latar belakang peserta yang berbeza dari segi komitmen dan minat (Zulkarnain Hasan Basri, temu bual bersama penyelidik, 18 Ogos 2023). Kehadiran peserta dalam kelas pengajian bersifat tidak menentu. Sebahagian peserta hanya hadir sekali atau dua kali dan tidak kembali, sementara ada pula yang beristiqamah sehingga akhirnya memeluk Islam (Zulkarnain Hasan Basri, temu bual bersama penyelidik, 18 Ogos 2023).

Sebagai kesimpulan, usaha signifikan yang telah dilaksanakan oleh Pusat Dakwah Jepun termasuklah melahirkan imam dan para pendakwah dalam kalangan masyarakat Jepun sendiri (PM Dr. 'Adawiyah Ismail, temu bual bersama penyelidik, 23 Ogos 2024). Cabaran pelaksanaan pengajian al-Qur'ān di Pusat Dakwah Jepun, mencakupi pada aspek bahasa, budaya, silibus al-Qur'ān, tenaga pengajar dan konsistensi peserta. Walaupun berada pada tahap awal, inisiatif melahirkan pendakwah tempatan serta penggunaan bahasa Jepun dalam pengajaran dilihat suatu langkah penting ke arah pengukuhan pengajian al-Qur'ān dalam konteks masyarakat Jepun.

Peranan Masjid Al-Da'wah Merupakan Institusi Pengajian Al-Qur'ān

Masjid al-Da'wah yang akan dibangunkan di bandar Wakayama ini menjadi wahana dakwah warga Jepun dan komuniti Muslim setempat, sekaligus menjadi medium strategik penyebaran Islam secara harmoni. Pembinaan masjid ini turut mengambil kira keunikan budaya tempatan, apabila elemen seni bina *Kindai Wafu* daripada seni warisan budaya Jepun yang diintegrasikan dalam reka bentuknya (Abdul Rahim, 2024). Masjid al-Da'wah berfungsi pusat sehenti dakwah (*One Stop Centre)* yang akan dibina bagi memenuhi keperluan golongan mualaf Jepun yang telah memeluk Islam (*Japan Da'wah Centre, 2022)*.

Pengajian al-Qur'ān merupakan asas utama yang menjadi landasan kepada penyusunan bentuk-bentuk pengajian lain seperti pengajian Hadith, Fiqh, Sirah, Tauhid, Akhlak, IQRA', dan Tadabbur (PM Dr. 'Adawiyah Ismail, temu bual bersama penyelidik, 23 Ogos 2024). Meskipun begitu, keperluan memperluaskan pengajian al-Qur'ān kepada program lanjutan yang merangkumi kelas pembacaan secara bertajwid, kelas penghafalan al-Qur'ān, serta kelas Tafsir (Karim Matsunaga, temu bual bersama penyelidik, 26 Disember 2024). Program pengajian al-Qur'ān oleh Pusat Dakwah Jepun menekankan usaha menstruktur semula pengajian al-Qur'ān secara komprehensif dan sistematik. Sehubungan itu, langkah ini bertujuan memperkukuh pengajian al-Qur'ān agar merangkumi kesemua peringkat termasuk kanak-kanak, golongan dewasa dan mualaf di Jepun.

Pusat Dakwah Jepun perlu memainkan peranan mengenai cabaran dan prospek memperkasakan pengajian al-Qur'ān yang memenuhi keperluan pelbagai peringkat umur, termasuk kanak-kanak; contohnya, melaksanakan program seperti kem musim panas, kelas pengajian al-Qur'ān secara harian dan golongan kanak-kanak dan golongan dewasa, termasuk golongan mualaf (*Japan Da'wah Centre, 2022)*. Pengajian al-Qur'ān di Jepun menuntut penyesuaian tanpa mengira umur dan latar belakang. Pendekatan ini telah dizahirkan melalui sekolah Islam, *Otsuka Islamia International School* dibawah kelolaan organisasi *Japan Islamic Trust (JIT)*, menfokuskan pembinaan modal insan, khusus kepada generasi kedua Muslim di Jepun, dalam usaha mengintegrasikan pendidikan akademik dan pengajian al-Qur'ān (Hattori et al., 2023).

Pembinaan modal insan perlu digarap beberapa elemen-elemen dakwah meraikan keperluan dan tahap pemikiran mereka (Nasir & Teh, 2023). Sebagaimana pendekatan pengajian al-Qur'ān berbentuk daya tarikan komuniti dalam memperkasakan institusi menerusi *Japan Da'wah Foundation (JDF, Shizouka Masjid)*, termasuklah kajian Islam yang disampaikan oleh *Shaykh Saied Sato* kepada warga komuniti Muslim Shizouka serta menawarkan penganjuran kelas pengajian IQRA' untuk golongan kanak-kanak. Mohamed El-Mokhtar Ould Bah dan Abdelslam Hakkouni menerusi kertas kerja yang bertajuk, '*Islamic Education between Tradition and Modernisty'*, telah menggariskan beberapa cabaran identiti Islam dan hendaklah dipertahankan menjadi tanggungjawab komuniti Muslim untuk mewujudkan institusi pengajian al-Qur'ān dalam konteks negara minoriti Muslim (Bah & Abdeslam Hakkouni, 1998, 96–98).

Pengaplikasian *Otsuka Islamia Intenational School* dalam memupuk pengajian al-Qur'ān dilihat memberi penekanan ketiga-tiga elemen tilawah, tahfiz dan tafsir. Hussam Zaineh (2024) menegaskan bahawa usaha memperkasakan pengajian al-Qur'ān dilakukan secara berfasa bermula dengan *al-Qā'idah al-Nūrāniyyah*, diikuti bacaan mushaf (*al-Naẓar*) dan hafazan (*al-Ḥifẓ*), merupakan latihan jati diri generasi kedua Muslim di Jepun. Temu bual terbuka turut menunjukkan pengajian tafsīr disusun mengikut peringkat persekolahan, peringkat rendah (*Secondary)* dan kelas mingguan di peringkat menengah (*Junior High School)* dan peringkat menengah tinggi (*High School)*. Pendekatan berasaskan analisis kosa kata Arab memperkukuh pemahaman tafsīr, sekali gus menghidupkan kehidupan generasi kedua Muslim berteraskan nilai al-Qur'ān.

Pengajian Tilawah al-Qur'ān secara bertajwid menerusi kaedah *Talaqqī al-Mushāfaḥaḥ* membolehkan ketepatan sebutan huruf dipelajari secara langsung daripada guru. Al-Suyūṭī (w. 911 h) menjelaskan *Talaqqī al-Mushāfaḥaḥ* merupakan suatu metode atau kaedah Rasulullah SAW yang diajarkan kepada pada Sahabat. Ini kerana kaedah ini menfokuskan untuk penyempurnaan hak-hak huruf termasuklah makhraj dan sifatnya (al-Suyūṭī, 2005). Sebagai contoh pendekatan, Masjid Istiqlal Osaka (MIO) turut memperkenalkan program Taman Pendidikan al-Qur'ān (TPA) yang menggunakan kaedah Tilawati dalam pengajian al-Qur'ān. Program ini turut merangkumi modul penting seperti Tauhid, Fiqh, Hadith, Aqidah, Akhlak, Sirah Islam, serta aktiviti Tadabbur Alam.

Pengajian al-Qur'ān mempunyai tiga teras utama untuk dicadangkan kepada Pusat Dakwah Jepun selaras model pendidikan Islam oleh Abdul Halim El-Muhammady (1991), memperhalusi pendekatan pengajian al-Qur'ān secara berperingkat; bermula dengan bacaan asasi, diikuti bacaan Tilawah dan Tajwid, dan seterusnya, pemahaman isi kandungan al-Qur'ān merupakan peringkat lanjutan sebagaimana Jadual 3.1 yang menjelaskan struktur kelas pengajian al-Qur'ān secara sistematik dan efektif, iaitu:

Jadual 3.1: Struktur Kelas Pengajian al-Qur'ān

PERINGKAT	PENGAJIAN
Asasi	IQRA'
Pertengahan	Tilawah dan Tajwid
Lanjutan	Tadabbur dan Tafsir

Al-Samarāʾī & al-Nadwī (2008) menyarankan pendekatan pengajian al-Qur'ān bersifat *al-Tadarruj* dan fleksibel terhadap para mualaf, selaras dengan dapatan Kyoichiro Sugimoto (2024) yang menunjukkan bahawa mualaf Jepun menghadapi kesukaran dalam sebutan huruf, sekali gus memerlukan tempoh sekitar tiga bulan untuk menguasai bacaan asasi IQRA'. Hal ini selaras dengan pandangan al-Zarqānī (w. 1367 h) bahawa mempelajari al-Qur'ān serta memahaminya adalah suatu tuntutan hidayah memenuhi aspek fitrah manusiawi (al-Zarqānī, 1995).

PERBINCANGAN

Perbincangan kajian ini dilihat kepada elemen utama pemerkasaan pengajian al-Qur'ān di bumi Matahari Terbit seperti organisasi dakwah, masjid atau musolla dan sekolah Islam serta usaha ke arah integrasi budaya semakin berkembang di Jepun. Walau bagaimanapun, perkembangan ini masih berdepan dengan beberapa cabaran, terutamanya pada aspek kekurangan tenaga pengajar dan bahan-bahan pengajaran. Justeru itu, langkah penambah baikkan yang boleh diperkasakan seperti melahirkan karya-karya penulisan Islam, laman sesawang dan buku teks untuk bahan bacaan umum seperti Indahnya Hidup Bersyariat (Kamus et al., 2021), yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun (Irwan Shafrizan Ismail, 2021).

Pihak Pusat Dakwah Jepun amat memerlukan penyaluran bantuan bagi mereka mempunyai kepakaran khusus dalam bidang al-Qur'ān. Sebagai contoh, artikel-artikel ilmiah bertemakan Islam dan al-Qur'ān dalam bahasa Jepun atau laman sesawang rasmi menfokuskan pada segenap bidang al-Qur'ān iaitu; pengajian IQRA', Tajwid, Tahfiz dan Tafsir & Tadabbur al-Qur'ān berupaya memperkukuhkan pendekatan pengajian ini. Sehubungan itu, pengajian al-Qur'ān di Pusat Dakwah Jepun berpotensi menjadi model rujukan pendidikan Islam dalam kalangan komuniti Muslim di Jepun.

Selanjutnya, usaha melahirkan para sarjana Islam dalam kalangan warga Jepun perlu dipertingkatkan melalui penghantaran pelajar Jepun ke Timur Tengah atau Asia Tenggara selaras kesinambungan usaha yang telah dilakukan oleh tokoh Muslim Jepun, Professor Abdul Karim Saitoh (Abu Bakr Morimoto & Iskandar Chowdhury, 1976). Sehubungan itu, langkah ini bagi melahirkan individu yang berkemampuan menyumbang secara signifikan serta menggali khazanah Islam berasaskan dua sumber utama, iaitu al-Qur'ān dan al-Hadīth, menyebarkan Islam khususnya di negara matahari terbit.

Masjid al-Da'wah berpotensi menjadi pusat sehenti dakwah (*One Stop Centre*) di Jepun melalui kerjasama strategik dengan institusi antarabangsa, khususnya menerusi jaringan kolaboratif antara ahli akademik, para asatizah dari organisasi dakwah seperti *Japan Muslim Association (JMA)* dan *Islamic Centre of Japan.* Kedudukan Masjid al-Da'wah yang berhampiran dengan Universiti Wakayama dalam memperkukuh peranan merupakan Institusi Pengajian Al-Qur'ān di Jepun.

KESIMPULAN

Pendekatan pengajian al-Qur'ān di Pusat Dakwah Jepun merupakan inisiatif penting bagi membentuk kefahaman al-Qur'ān dalam kalangan warga Jepun, khususnya di kalangan mualaf. Pendekatan melalui modul IQRA' dan Tadabbur mencerminkan usaha penyesuaian kaedah pengajaran al-Qur'ān dengan latar sosio-budaya masyarakat Jepun secara efektif dan sistematik. Bagi menjamin kesinambungan dan peningkatan mutu pengajian al-Qur'ān, kerjasama strategik dengan institusi berkaitan amat diperlukan, khususnya dalam memperkaya sumber literasi Islam dan melahirkan sarjana Muslim Jepun dalam usaha penyebaran Islam di negara Matahari Terbit (Siddiqi, 2020).

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian dapatan kajian disertasi Sarjana Usuluddin di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Malaya atas pembiayaan menerusi Geran Penyelidikan Khas (GKP) bagi projek bertajuk, "Pengajian al-Qur'ān al-di Jepun: Kajian Terhadap Pertubuhan Islam Terpilih", yang telah dilaksanakan dalam tempoh 15 Julai 2024 hingga 14 Julai 2025.

RUJUKAN

'Adawiyah Binti Ismail, (Professor Madya, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia & Penasihat *Japan Da'wah Centre)*, dalam temu bual bersama penyelidik, 8 Ogos 2024.

Abdel Rashed Shehata, (*Principal of Sapporo International School SIS*), dalam temu bual bersama penyelidik, 16 Jun 2025.

Abdul Halim El-Muhammady. (1991). *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. (pp. 80–81). Dewan Pustaka Islam: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Abdul Rahim, A. B. (2021). *Mencari Unta Merah Jepun: Kisah Kembara Dakwah ke Negeri Matahari Terbit* (pp. 86–93). (Abdul Rahim & Abdullah Bukhari, Eds.). Jejak Tarbiah Books.

_____, (2024). Bina syurga di Wakayama Jepun. *Utusan Malaysia*.

Abdul Wahab, H., & Abu Bakar, S. H. (2016). Asas Penyelidikan Lapangan. In H. Abdul Wahab & S. H. Abu Bakar (Eds.), Kaedah Penyelidikan Kerja Sosial Pengalaman di Lapangan (pp. 10–11, 36–37). Penerbit Universiti Malaya.

Abu Bakr Morimoto, & Iskandar Chowdhury. (1976). Introducing a Japanese Muslim—2: Prof. Haji Abdul Karim Saitoh. In *Islamic Culture Forum* (Vol. 6, Issue 3, Pp. 17–20). Islamic Culture Society Japan (ICSJ).

Abū Isḥāq Ibrāhīm ibn Mūsā ibn Muḥammad al-Lakhmī al-Shāṭibī. (1991). Al-Ṭarf al-Thānī: Fī al-Adillah 'alā al-Tafṣīl, al-Dalīl al-Awwal: Al-Kitāb. In *Al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl al-Sharī'ah* (Vol. 3, pp. 286–288). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Khālidī, Ṣalāḥ ʿAbd al-Fattāḥ. (2003). *Mafātīḥ li Taʿāmul maʿa al-Qurʾān* (Ṣalāḥʿ Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, Ed.; 3rd ed.). (pp. 66–68).Dār al-Qalam.

Al-Samarāʾī, Ṣāliḥ Mahdī, & al-Nadwī, S. al-R. (2008). *Islām fī al-Yābān* (Ṣāliḥ Mahdī al-Samarāʾī & S. al-R. al-Nadwī, Eds.). (pp. 265–267, 323). Mu'assasat 'Ulūm al-Qur'ān.

Al-Suyūṭī. (2005). fī Kayfiyyat Taḥammulih. In *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Vol. 1, pp. 632–635). Wizārat al-Shu'ūn al-Islāmiyyah wa-al-Da'wah wa-al-Irshād al-Su'ūdiyyah - Majma' al-Malik Fahd li-Ṭibā'at al-Muṣḥaf al-Sharīf.

Al-Zarqāni, 'Abdul 'Aẓim. (1995). fī at-Tafsīr wa al-Mufassirīn wa mā Yata'alaqu bihimā. In 'Abdul 'Aẓim Al-Zarqāni (Ed.), *Manāhil Al-'Irfān Fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Vol. 2, pp. 9–10). Dār al-Kitāb al-'Arabī.

Aranne (Peserta Pusat Dakwah Islam), dalam temu bual persama penyelidik, 10 Julai 2023.

A.K, B., Moede Gayo, & Nogarsyah. (1987). *Iqra' & Kutub, Metode Tercepat Belajar Membaca dan Menulis Huruf-Huruf Al-Quran*. (pp. 2–4). Pustaka Ainun.

Bah, M. E.-M. O., & Abdeslam Hakkouni. (1998). Islamic Education between tradition and modernity. (pp. 96–98). Publications of the islamic educational, scientific and cultural organization ISESCO.

Bahammam, F. S., ben Rezzouk, L., & Sato, S. (2016). *The New Muslim Guide* (2nd ed.). Modern Guide.

Haroon Qureshi (Secretary General, Japan Islamic Trust JIT), dalam temu bual dengan penyelidik, 28 & 30 Disember 2023.

Hussam Zaineh (Principal of Ostuka Islamia International School), dalam temu bual dengan penyelidik, 16 Jun 2024.

Irwan Shafrizan Ismail. (2021, April 7). *Buku Ismail Kamus diterjemah bahasa Jepun*. *BH, New traits Times Press*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/804638/buku-ismail-kamus-diterjemah-bahasa-jepun

Japan Da'wah Centre. (2022). *Proposal of Masjid al-Da'wah Osaka Japan*. E/view?usp=drive_link

Japan Da'wah Centre (2023). *History of Establishment Japan Da'wah Centre*. Osaka. Japan. https://drive.google.com/file/d/1RaX7VRPzSm2cgFGJguU1F9EI8v6j8zKq/view?usp=drive_web

Kamus, D. I., Abd Hamid, M. A. A., & Abdul Malek, D. Z. (2021). *The Beautiful Islamic Way of Life)*. My Pustaka Digital.

Karim Matsunaga (Tenaga Pengajar Pusat Dakwah Islam), dalam temu bual bersama penyelidik, 26 Disember 2024.

Kyochiro Sugimoto, (*Chairmain Chiba Islamic Cultural Centre CICC*), dalam temu bual bersama penyelidik pada 20 September 2024.

Long, A. S. (2022). Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam (5th ed., pp. 62–71, 72–73). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mano Sato (Peserta Pusat Dakwah Islam), dalam temu bual bersama penyelidik, 24 November 2023.

Muda, A. L., & Ali @ Mat Zin, R. (2014). *Ulum Quran, Rujukan Pengajian Islam* (A. L. Muda & R. Ali @ Mat Zin, Eds.). (pp. 185–186). Pustaka Salam.

Nur Haziqah Hishamuddin (Tenaga Pengajar Pusat Dakwah Islam), dalam temu bual bersama penyelidik, 10 Julai 2023.

Osama Matsunaga (Tenaga Pengajar Pusat Dakwah Islam), temu bual bersama penyelidik, 2 Ogos 2024.

Ryota Yamamoto (Peserta Pusat Dakwah Islam), dalam temu bual bersama penyelidik, 15 May 2024.

Siddiqi, M. A. R., Abu Bakr Moritomo, & Iskandar Chowdhury. (1977). A Short Report on Activities of Islamic Centre - Japan | Islamic Law Conference in Tokyo. In *Islamic Culture Forum* (Vol. 8, pp. 38–41). Islamic Culture Society Japan (ICSJ).

Siddiqi, M. A. R. (2020). *Islam Shines in Japan: Perspectives and Prospects* (Muhammad Abdur Rahman Siddiqi, Ed.; 2nd ed.). A.S Noordeen.

TPA Hikari Tahfidz. (2023). *Masjid Istiqlal Osaka Japan*. https://masjidistiqlalosaka.com/tpa-mio/

Yusuf Morishita (Member of Hokkaido Islamic Society), dalam temu bual bersama penyelidik, 22 Jun 2024

Zulkarnain Hasan Basri (Pengasas Pusat Dakwah Islam), dalam temu bual bersama penyelidik, 18 Ogos 2023.

Zulkifli Haji Mohd Yusof, & Mazlan bin Ibrahim. (2005). *"*Pendidikan Al-Quran Dan Tafsir: Kajian Terhadap Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)*",* dalam *"Budaya dan pemikiran dalam masyarakat global: Malaysia dan China",* Seminar Antarabangsa Budaya dan Pemikiran Antara China dan Malaysia.

Prosiding yang diterbitkan di atas talian

Hamdani, S. M., Farhana Baharuddin, D., Kareelawati, N., Karim, A., Binti, M., Majid, A., Da'wah Dan, P., Islam, P., Kepimpinan, F., &Pengurusan, D. (n.d.). *Cabaran Minoriti Muslim: Kajian Di Jepun*. https://unity1.files.wordpress.com/2009/06/islam-in-Japan

Hishamuddin, N., Ismail, 'Adawiyah, & Aini, Z. (2024). Pelaksanaan Pengajian Fardu Ain Dan Iqra Secara Dalam Talian Kepada Mualaf Di Jepun. In A. G. Don, B. Mohd Nasir, & Z. Aini (Eds.), *The Malaysia-Japan International Dakwah Seminar 2024 (MASJIDs 2024)* (pp. 219–221). Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. https://doi.org/https://drive.google.com/file/d/1sWWLHaJK_uER-

Hattori, M., Matsumoto, A., Azmi, M., Am, E., A.S., a de Y., Jiang, K., Takiguchi, S., & Masutani, K. (2023). Trends in Studies and the Current State of Muslim Education in Japan, 70(1), 129–130. https://doi.org/10.18999/nueduca.70.1.115

Mohammad Jodi, K. H. (2023). Cabaran Dakwah Japan Da'wah Centre (JDC) Terhadap Masyarakat Jepun Di Osaka. *Isu-Isu Pengajian Islam Di Era Globalisasi*, 48–50.

M. Samarrai, S., & Hj. Ali @ Mat Zin, A. (2000). *Sejarah dan Perkembangan Dakwah di Jepun*. *Jurnal Usuluddin*, *12*(0), 180. https://jupidi.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3898

Nasir, M. S., & Teh, K. S. M. (2023). Pendekatan Dakwah Untuk Kanak-Kanak Menerusi Qasas Al-Nabiyyin Menurut Abu Al-Hasan 'Ali Al- Nadwi: The Approach Of Da'wah For Children Through Qasas Al-Nabiyyin From Abu Al-Hasan 'Ali Al-Nadwi's Perspectives. JURNAL YADIM: International Journal of Islam and Contemporary Affairs, 3(2), 1-21.

Nor, H. M., & Norasid, M. A. (2023). Pendengaran Membangun Akal Menurut Al-Quran: Panduan Kepada Gen Z Mind Building with Listening according to Al-Quran: A Guide for Gen Z. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, *21*(1), 92.

Okai, H., & Takahashi, N. (2023). Conflict and coexistence among minorities within minority religions: a case study of Tablighi Jama'at in Japan. Religion, State and Society, 51(3), 270. https://doi.org/10.1080/09637494.2023.2222616

Sin, N. Z. M. (2014). Definisi Qawa'id al-Tadabbur: Satu Analisis Perbandingan dengan Qawa'id al-Tafsir. *International Journal of Quranic Research*, 6, (1), 71.

Tanada, H. (2017, August 25). Ever Growing Muslim Community In The World And Japan. Area Study Waseda University.